

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 13 MAC 2016 (AHAD)

Bil	Tajuk	Akhbar
1	Cuaca panas dijangka berterusan	Mingguan Malaysia
2	Jerebu kembali?	Harian Metro
3	Heatwave has Malaysians seeking cooler climes	The Star
4	No water rationing yet	The Star
5	El Nino, dry weather can contribute to local haze – Meteorological Dept	Bernamea.com

KERATAN AKHBAR
MINGGUAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 14
TARIKH: 13 MAC 2016 (AHAD)

Cuaca panas dijangka berterusan

KUALA LUMPUR 12 Mac - Fenomena El Nino yang menyebabkan peningkatan suhu di negara ini sejak Oktober tahun lalu dijangka akan berterusan sehingga pertengahan tahun ini.

Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi Malaysia, Datuk Che Gayah Ismail berkata, cuaca panas yang melanda kini disebabkan ketika ini negara sedang berada di penghujung musim Monsun Timur Laut dengan tambahan fenomena El Nino yang membawa peningkatan suhu.

"Beberapa kawasan akan mengalami cuaca kering dan kekurangan hujan, walaupun bagaimanapun kekuatan Fenomena El

Nino ini telah mengalami penurunan.

"Kita perlu ingat juga kedatangan musim Monsun Barat Daya pada Mei ini dijangka akan membawa cuaca yang panas dan suhu kering," katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Sehubungan itu, beliau berkata, orang ramai diminta supaya tidak melakukan aktiviti pembakaran terbuka dan banyak meminum air bagi mengelakkan dehidrasi.

Utusan Malaysia hari ini melaporkan



CHE GAYAH ISMAIL

cuaca panas luar biasa berpanjangan sejak beberapa hari lalu menyebabkan penggunaan elektrik mencatatkan paras tertinggi di Semenanjung Malaysia iaitu 17,175 megaWatt (mW) ketika waktu puncak pada Rabu lepas.

Dalam satu kenyataan Tenaga Nasional Berhad (TNB), gelombang haba yang disebabkan oleh fenomena cuaca El Nino menyaksikan permintaan pengguna untuk bekalan tenaga sejak Isnin

melempi
mW.

KERATAN AKHBAR
HARIAN METRO (SETEMPAT) : MUKA SURAT 23
TARIKH: 13 MAC 2016 (AHAD)

Jerebu kembali?

■ Cuaca panas dorong peningkatan suhu 0.5 hingga 2 darjah Celsius

Oleh Mahaizura Abd Malik
mahaizura@hmetro.com.my
Kuala Lumpur

Kadaan cuaca panas serta kering pada masa ini memberi kesan ketara kepada pengurangan taburan hujan sebanyak 20 hingga 60 peratus di kawasan Semenanjung dan Sabah sehingga akhir bulan depan.

Timbalan Ketua Pengarah (Cuaca dan Iklim) Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) Alui Bahari berkata, kesan fenomena El Nino yang berlaku sejak Oktober lalu mengakibatkan kebanyakan tempat di negara ini kering dan kurang taburan hujan sehingga menyumbang kepada kebarangkalian

FAKTA
Taburan hujan merosot 20 hingga 60 peratus

berlaku jerebu tempatan.

"Kebanyakan kawasan mengalami peningkatan suhu antara 0.5 dan 2 darjah Celsius di samping pengurangan hujan sehingga 60 peratus sehingga akhir April.

"Ketika fenomena ini, negara kita bukan saja mengalami hujan berkurangan, tetapi peningkatan suhu serta peredaran angin lemah yang secara tidak langsung menyumbang kepada berlakunya jerebu tempatan berpunca daripada zarah ter-

ampai berterbangan di udara pada ketika ini.

"Bagaimanapun, ia tidak seteruk mana dan biasanya berlaku dalam tempoh sementara saja," katanya ketika dihubungi Metro Ahad, semalam.

Sementara itu, menerusi

tinjauan cuaca daripada MetMalaysia sepanjang Mac ini Perlis, Kedah, Pulau Pinang, utara Perak, Kelantan dan utara Terengganu dijangka menerima hujan kurang (menurun 40 hingga 60 peratus) berbanding purata bulanan.



KANAK-kanak memakai topi berikutan cuaca panas disebabkan fenomena El Nino.

